

THE THREE TASKS OF PUTERI GUNUNG LEDANG (THE KINNARI ECOLOGICAL THEATRE PROJECT)

BABAK 1

SINGGAHSANA SULTAN MAHMUD SHAH

- SULTAN Ah! Hari yang sungguh indah. Sinar mentari yang keemasan menyinari beta dan seluruh kerajaan beta. Bunga-bunga yang mekar, rerama yang berterbangan, buah-buahan yang semuanya ranum. Embun pagi dari hujan semalam. Semuanya segar dan bercambah seakan akan mengajak kita untuk lebih tahu tentang kewujudannya .
- TUAH Wah, tuanku kata-kata yang luar biasa pada pagi ini.
- SULTAN Beta berasa baik, sangat baik dan terasa lebih muda daripada biasa!
- TUAH Tuanku tidak seperti hari-hari sebelum ini, dan sememangnya patik dan seluruh rakyat jelata merasa gembira dengan mood tuanku yang seperti ini, terkesima!
- SULTAN Terkesima? Yea yea terkesima. hah! tuan hamba faham rupanya maksud beta .
- TUAH Tuanku?
- SULTAN Apa lagi yang beta rasa terkesima kalau bukan untuk seorang isteri baru !haha
- TUAH Aha! kementerian kita tuanku sentiasa menyediakan dan mengupdate senarai puteri-puteri yang single and available. Tuanku nak
- SULTAN Tak! sorang pun tak nak. Beta mahukan gusti putri Retno Dumillah, dengan nama yang macam tu. Beta rasa dia ni mesti seorang yang HOT! Beta dengar kecantikan dia mengatasi semua puteri-puteri yang ada. Ohh, beta tidak dapat tidur mendengar itu. Semalam, dia datang dalam mimpi beta, selepas itu... beta tidur seperti bayi.
- Permaisuri Adinda sudah pulang, tidakkah kanda rindu pada dinda? Tengok apa yang dinda telah beli, semuanya barangan yang baik kanda, ada macam-macam makeup, beg Louis Vuitton, baju jenama Prada....ahhh, seronoknya bercuti di Paris. Mengasyikkan. Kita mesti adakan keramaian kanda, barulah adinda berpeluang mengenakan pakaian baru adinda.
- SULTAN Oh adindaku sayang, sudah balik dari bercuti eh, kanda ingat dinda akan pulang sepuasnya lagi.

Permaisuri Adinda sudah kehabisan wang kanda, sebab itulah adinda pulang awal.

SULTAN Adinda pergi berjumpa dengan menteri kewangan kita dan minta sahaja berapa yang adinda mahukan.

Permaisuri Ahh, bukan sekarang kanda, adinda masih lagi pening lalat.

SULTAN Adinda apakata adinda pergi ke London pula. Setahu kanda disana tengah promosi jualan musim sejuk.

PERMAISURI Emmm...baiklah lah kanda. Ehhh...kot berbulu di melaka? Emm...ape-ape aje lah...

SULTAN Tuan hamba mesti pergi ke Majapahit untuk mendapatkan dia bagi pihak beta! Pastikan dia terima beta.

TUAH Patik? Patik seorang pahlawan tuanku, bukan agensi mencari jodoh tuanku.

SULTAN Hah! Pandai sungguh laksamana bermain kata kata dan beta tahu perempuan yang mempunyai semangat seperti seorang lelaki. Pergi kepada tuan puteri itu dan gunakan kebijaksanaan mu dan dia pasti akan kagum dan ingin menjadi pemaistris kepada seluruh rakyat beta.

TUAH Kan lebih elok kalau tuanku menghantar gambar tuanku yang HANDSOME ini kepada dia, tentu lebih senang untuk dapatkan dia.

SULTAN Betul jugak kata kata laksamana tadi, bawa gambar beta bersama, dan dia akan terpaut dengan kata kata tuan hamba dan ketampanan beta.

TUAH Perjalanan jauh tuanku, mungkin tuanku boleh hantar orang yang lebih muda.

SULTAN Oh tidak tidak tidak, itu satu ancaman. Beta tidak mahu dia jatuh ke tangan orang lain. NO WAY. Beta tahu beta boleh percayakan laksamana. Tuan hamba seorang yang setia dan tidak akan bertindak gila kerana seorang perempuan. Tidak sama sekali, beta rasa laksamana orang yang paling perfect sekali untuk menjadi orang perantaraan. Sekarang cepat. Pergi!

BABAK 2

GUSTI Beta sungguh bosan. Betapa beta cemburu pada burung-burung yang

berterbangan bebas. Lihatlah keriang dan keindahan nyanyian mereka.

MAID 1 Tetapi mereka sentiasa diancam dengan jaring dan panahan-panahan pemburu. Atau serangan dari burung-burung yang lebih besar... Atau kelaparan... Kehidupan mereka tidak mudah. Selalu mencari makanan, memberi makan sendiri, serta anak-anaknya, melepaskan diri dari bahaya... mencari pasangan...

GUSTI : Oh ya! Mencari pasangan! Beta tahu, kamu pasti akan bercakap tentang hal itu kembali. Selalu mencari pasangan. Tapi boleh tak saya mencari pasangan saya sendiri? Tidak... Malah burung pun lebih bertuah dari Beta. Sekurang-kurangnya mereka boleh memilih pasangan sendiri.

MAID 1 Hamba pasti Gusti Puteri akan menemui tuah dalam percintaan.

GUSTI Beta belum begitu jauh lagi. Putera yang akan menjemput Beta pasti tidak akan menyeronokkan. Putera itu mungkin tidak tahu memakai pakaiannya sendiri, kaki perempuan, seorang ahli perniagaan yang hanya mahu mengambil kesempatan dari Beta, lelaki yang angkuh dan hanya meletakkan beta sebagai koleksi peribadi mereka. Ahh! Kemudian kekanda beta sanggup menjual beta dengan bidaan yang tinggi. Beta mula berfikir bahawa cinta itu sebenarnya tidak wujud. Ia seperti penipuan puisi dan untuk memerangkap hati perempuan dengan kata-kata pujangga yang palsu. Hanya apabila mereka tertangkap dan berkahwin, baru mereka melihat dan menyedari sendiri perangkap itu.

MAID 1 Hanya orang yang tidak pernah bercinta sahaja boleh bercakap begitu. Giliran Gusti Puteri akan tiba.

GUSTI Jadi tolonglah Beta untuk keluar dan mencari mereka. Beta tahu, puteri lain seperti Busba telah berpakaian seperti lelaki dan pergi mencari Panji. Tolong beta untuk menyamar dan melepaskan diri.

MAID 1 Sanggupkah Gusti Putri?

GUSTI Ya, sudah tentu! Samaada dengan bantuan kamu atau tidak, beta tetap akan melakukannya.

(Masuk Maid 2)

MAID 2 Gusti Putri Retno Dumillah...

GUSTI Beta tahu, jika kamu memanggil beta dengan nama penuh, pasti ada khabar buruk yang ingin kamu sampaikan. Apa dia?

MAID 2 Perutusan dari Sultan Mansur Shah dari Melaka telah tiba. Baginda terdengar tentang kecantikan serta semangat Gusti Putri dan berhasrat untuk memperisterikan Gusti Putri.

GUSTI Beta tertanya tentang kerajaan yang mana pula menyerang baginda, dan baginda memerlukan bantuan kekanda beta. Beta umpama senjata yang dipergunakan untuk pertukaran sesama mereka. Beta menolak.

MAID 2 Gusti Putri tidak mahu bertemu dengannya? Perutusan itu sedang menunggu diluar.

GUSTI Ahh! Kacaulah... Kamu tidak bagi beta pilihan bukan? Baiklah, biar kita hiburan diri dengan mempermainkan dia. Suruh dia masuk.

(Tuah masuk. Mereka kemudian jatuh cinta dan mereka cover. Gusti terkesima, Tuah kelihatan malu dan merendah diri.)

GUSTI Adakah tuan hamba datang atas titah Sultan dari Melaka?

TUAH Benar, Gusti Putri. Baginda telah mendengar tentang...

GUSTI ... kecantikan beta dan berhasrat untuk memiliki beta.

TUAH Sebenarnya, kerana kemahsyuran serta keharmonian yang ada di Tanah Jawa yang menyebabkan Baginda Sultan ingin sangat mengetahuinya.

GUSTI Tidakkah baginda gentar dengan kepetahan beta berkata-kata?

TUAH Baginda Sultan gemarkan persaingan yang sihat, dan sentiasa mengagumi kemahsyuran Gusti Putri, dan...

GUSTI ... dan akhirnya, Sultan akan dapat semua kemahsyurannya. Sama seperti apa yang tuan hamba berikan pada baginda.

TUAH Baginda percaya pada kesetiaan patik dan patik lakukan ia dengan kerelaan hati.

GUSTI Adakah sebab itu baginda menghantar tuan hamba? Adakah tuan hamba merupakan seorang perutusan yang baik untuk jawatan ini?

TUAH (*gelak*) Oh! Tidak. Ini patik kurang setuju kerana patik telah lari dari tugas patik yang sebenar.

GUSTI Laitu?

TUAH Patik seorang Laksamana, dengan reputasi yang tersendiri.

GUSTI Oh! Ya! Sudah tentu! Tuan Hamba merupakan senjata bagi baginda.

TUAH Tidak pula kami sangka bahawa seorang yang cantik seperti Gusti Putri ini boleh tahu tentang perkara seperti ini.

GUSTI Ya, mereka tahu. Walaupun mereka tidak mengendulkannya seperti yang beta lakukan. Kami sangat faham dan kami tidak boleh terima. Hmm... begini lah, Dato Laksamana sampaikan pada baginda Sultan bahawa beta tidak akan menerimanya melainkan jika Baginda tunaikan 3 syarat beta.

TUAH 3? Patik sangkakan 7...

GUSTI 3 syarat yang mustahil juga sebaik 7 bukan? Mengapa dibazirkan waktu? Beta seorang yang ekonomikal, ekilogikal dan efficient. Sampaikan kepada Baginda.

BABAK 3

SULTAN Jadi, bagaimanakah gerangnya?

TUAH Sangat bijak, pintar dan petah berkata-kata. Juga pandai berseloroh.

SULTAN Oh! Bukan begitu maksud Beta. Maksud beta, adakah parasnya cantik seperti yang dikhabarkan?

TUAH Sudah semestinya, Tuanku.

SULTAN Citrakanlah pada Beta tentangnya.

TUAH Melalui kata-kata sahaja tidak memadai Tuanku. Apatah lagi jika Gusti Putri bukan milik patik. Walau bagaimanapun, patik mempunyai gambarnya.

SULTAN Tunjukkan pada Beta! Ah! Adakah ini benar gambarnya? Tidak diubah-ubah?

TUAH Benar Tuanku! Malah, dia lebih cantik dari gambar ini.

SULTAN Harap-harap begitulah hendaknya. Apa yang dia mahukan? Barang kemas?
Ahhh... Dia seorang yang bijak... pasti dia mahukan buku!

TUAH Patik percaya yang Gusti Putri cintakan alam.

SULTAN Bagus... Bagus... Dia tentu akan sukakan taman beta. Dia akan menjadi bunga
yang terbaik dalam taman saya. Jadi, beta akan menghantar pelbagai jenis
bunga yang mekar dan yakin ia akan berkembang sebaik sahaja Laksamana
tiba di Istana beliau. Dan bunga-bunga itu akan menjadi lambang kecantikan
dan keharuman serta mewakili tanda cinta beta.

TUAH Tinggi sungguh khayalan Tuanku... dan Tuanku sangat romantik! Tetapi
Tuanku, Gusti Putri telah meletakkan syarat-syaratnya sendiri.

SULTAN Oh... Apa dia? Mengapa laksamana ragu-ragu? Malu? Tuan Hamba membuat
Beta merasa terhina! Pelik sangatkah syarat-syaratnya?

TUAH Amat sukar... untuk ditunaikan.

SULTAN Ujian! Persoalan? Beritahu beta, beta suka pada cabaran!

TUAH Seratus dulang penyu belimbing.

SULTAN Apakah itu?

TUAH Penyu yang hampir pupus Tuanku, penyu belimbing. Ia hampir pupus
disebabkan terperangkap di dalam pukot nelayan. Telurnya pula dikutip dan
dimakan dan dijual oleh orang kampung kepada pelancong.

SULTAN Tidak, maksud beta, berapa dulang yang dia mahukan?

TUAH Soalan bijak Tuanku, bagus. Pada tanggapan patik, dia bermaksud saiz dulang
yang biasa dihantar kepada Tuanku.

SULTAN B5?

TUAH Besar sedikit lagi.
SULTAN (*mengeluh*) Teruskan.

TUAH Air sungai yang bersih tanpa dicemari.

SULTAN Sebelum atau selepas terowong itu dibuka?

TUAH Tidak dinyatakan Tuanku.

SULTAN Baiklah, banyak sampah sebelum terowong itu dibina. Ia sepatutnya sudah bersih sekarang.

TUAH Maafkan saya Tuanku. Dia nyatakan dari sungai Gombak dan berhubung sampai sungai Klang.

SULTAN Lain kali, baca biar terang Tuah!

TUAH Salah patik Tuanku. Mata patik ni dah rabun.

SULTAN Sudahlah, Teruskan!

TUAH Hah! Tuanku, ini yang paling susah Tuanku!

SULTAN Apa? Darah anakanda beta kah? Tak menjadi masalah.

TUAH Mengumpul dan membersihkan pakaian samaran Slime Doby.

SULTAN Slime Doby? Siapa tu? Kedengaran seperti orang tidak betul.

TUAH Ya! Gusti Putri berkata bila baju hijau yang mereka pakai itu telah didedahkan secara terang terangan, semuanya akan kelihatan transparent dan segalanya akan Nampak.

SULTAN Bagus ke baju yang macam tu? Si Slime Doby ni punyai satu badan yang menarik ke? Patut kah saya cemburu dengan dia dan seterusnya menganggap dia sebagai saingan?

TUAH Tuanku sangat bijak dan termahsyur. Patik rasa, Gusti Putri memberi amaran kepada Tuanku bahawasanya dia ini sangat hebat dan merbahaya kepada

kerajaan Tuanku. Dan dengan membongkar perkara itu semua, baru Tuanku boleh mengambil tindakan undang-undang.

SULTAN Beta pasti ada seseorang disebalik ini semua. Adakah Laksamana pasti yang Gusti Putri tidak memberitahu dia perkara yang sama tentang beta? Untuk memerangkap beta?

TUAH Patik tidak fikir itu tujuannya, Tuanku.

SULTAN Hmmm... Beta agak ragu-ragu, tapi tidak mengapa. Teruskan.

TUAH Itu sahaja.

SULTAN Itu sahaja? Beta sangkakan ada tujuh permintaan seperti 7 dulang hati nyamuk, jambatan emas dan perak dan sebagainya.

TUAH Gusti Putri seorang yang moden, ekonomikal, ekilogikal serta efficient, seperti kata patik.

SULTAN Hmmm... Beta tidak setuju. Pasti ada muslihat. Ia meragukan~ seperti ingin merancang memusnahkan ekonomi... dan reputasi saya. Adakah Laksamana pernah mendengar seorang Raja menangkap penyu atau bergelumang dengan sampah? Itu adalah sangat mustahil, bukan?

TUAH Sukar, tetapi tidak mustahil.

SULTAN Dia cuba memberitahu beta yang beta tiada peluang! Ini adalah satu penghinaan secara langsung. Jika beta tunaikan permintaannya, beta akan menghancurkan ekonomi negara! Siapkan kerismu Tuah! Kita akan berperang! Tiada seorang perempuan pun yang melayan beta begini.

TUAH Sabar Tuanku! Patik tidak fikir puteri ini bermaksud untuk menghina atau menolak pinangan Tuanku.

SULTAN Huh?

TUAH Walaupun permintaannya kelihatan agak sukar, namun ianya tidak mustahil Tuanku. Pada firasat patik, ini hanya hanya satu cara untuk menguji keupayaan serta kredibiliti Tuanku sebagai seorang Raja yang memimpin negaranya. Ianya hanyalah berbentuk cabaran yang menduga kewibawaan dan kebijaksanaan

Tuanku. Patik fikir Tuanku akan dapat melaksanakan dan menyelesaikannya dengan segala kedaulatan yang Tuanku miliki. “hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih”, demikianlah kata-kata daripada pujangga kita Tuanku.

SULTAN

Untuk memenangi hatinya?

TUAH

Ya Tuanku. Dan seterusnya akan memajukan lagi negara Tuanku serta peningkatan taraf hidup seluruh rakyat jelata Tuanku!

SULTAN

Kemajuan? Ha ha ha Melaka sememangnya sebuah negara yang kaya di dunia ini. Berhati-hati dengan bicaramu tuah, jangan sampai ia akan membuatkan beta murka nanti!

TUAH

Ampun Tuanku! Maksud patik ialah ekonomi Melaka akan bertambah maju serta kaya dengan hasil buminya yang begitu melimpah-limpah! Keseimbangan dalam pentadbiran hasil bumi adalah satu kejayaan yang sedia kita kecapai, dan apa yang kita perlukan sekarang ialah kuasa memerintah yang lebih jitu untuk dipraktikkan. Tuanku boleh menjadikan permintaan Tuan Puteri itu sebagai peluang untuk Tuanku membuktikan kehebatan Tuanku!

SULTAN

Adakah Dato Laksama pasti yang kita tidak perlu berperang dengan kerajaan Majapahit? Tuah, usia kamu sudah semakin veteran. Mungkin ini adalah peperangan terakhir kamu. Atau... adakah hati kamu sudah terlalu lembut untuk bertindak berani?

TUAH

Mungkin kata-kata Tuanku ada kebenarannya, patik telah veteran. Tetapi, nilai peperangan pada seseorang veteran adalah lebih kepada penggunaan kebijaksanaannya menggunakan akal untuk menakluk berbanding menggunakan tangan untuk berperang.

SULTAN

Wah! Sungguh hebat hujah kamu Tuah! Jika begitu, beta titahkan kamu untuk mengetuai Mision Impossible ini dan beta ingin tahu perkembangan yang positif dalam tempoh dua minggu.

TUAH

Tttt...tatata...tapi Tuanku, patik hanyalah seorang laksmana yang tidak mempunyai apa-apa?

SULTAN

Berjuanglah dengan segala kebijaksanaanmu! Dan dengan caramu yang tersendiri! Sudah! Pergi beritahu tukang masak yang beta sudah bersedia untuk hidangan santapan tengahari sekarang!

BABAK 4

- HAMBA Dato laksamana, Dato tidak menjamah makanan Dato, Bukankah berfikir juga perlukan makan? Sama seperti berperang...
- TUAH Hamba tidak akan makan sehingga hamba berbuat sesuatu. Hamba akan mulakan dengan yang mudah dahulu, dengan mencari beberapa ekor penyu belimbing. Itu pun kalau ia tidak pupus lagi, kerana ia sudah terlalu sedikit dan kurang membiak. Jika hamba tidak bertindak segera, semuanya akan hilang.
- HAMBA Ahh... Alangkah sedapnya telur penyu. Kami akan merebusnya. Sedapnya!.. Tapi hamba tidak pernah mendapat sebiji pun sejak hamba berpindah ke Melaka.
- TUAH Hamba terlupa yang tuan hamba dari Terengganu. Telur-telur itu banyak bukan? Kamu mencurinya dipesisiran pantai?
- HAMBA Hamba mengaku yang kadang-kadang hamba lakukan perkara tersebut. Tapi, ada masanya, ibu hamba hanya perlu membeli di pasar.
- TUAH Membeli di pasar? Ia siap untuk dijual?
- HAMBA Dijual pada orang awam serta orang asing.
- TUAH Walaupun perbuatan itu mengancam hidupan itu?
- HAMBA Semua orang tahu tentang itu dato.
- TUAH Masihkan telur-telur tersebut dijual dipasar?
- HAMBA Mungkin, bila ada pembeli maka adalah penjualnya.
- TUAH Kamu harus pergi segera dan dapatkan telur-telur itu untuk hamba.
- HAMBA Tapi Dato, hamba sudah tidak kenal sesiapa di sana. Hamba...
- TUAH Pergi!

BABAK 5

- PENJUAL Ikan segar! Ikan Segar! Udang segar!

HAMBA Hei Laila! Kenal saya lagi tak?

PENJUAL Awak siapa? Oooo... saya ingat sekarang, kamu Rosman kan? Budak yang berlagak nak berhijrah ke kota besar untuk menjadi kaya. Apa dah yang terjadi dengan kamu sekarang? Kena buang kerja? Dan dah segan untuk kembali ke kampung?

HAMBA Bukanlah! Aku sekarang kerja kat istana Melaka.

PENJUAL Wow! Dah jadi orang besar lah yer sekarang!

HAMBA Sudahlah! Begini, aku perlukan pertolongan kau sekarang. Aku perlukan telur penyu.

PENJUAL Tidak menjadi masalah asalkan kamu membayarnya dengan nilai yang tinggi!

HAMBA Adui... soal wang tidak menjadi masalah! Yang penting telur tersebut hendaklah segar dan masih baru. Sebab aku kena jaga sehingga ianya menetas!

PENJUAL Bukan untuk dimakan? Ahhh, sekarang aku tahu! Kau ni pun hati nak berniaga sekarang! Memang pintar! Penyu sudah hampir pupus, dan kau pula berusaha untuk menetaskan telurnya agar kuantiti penyu akan bertambah dan begitu jugaklah telurnya dan seterusnya akan mengaut keuntungan yang lumayan! Selepas itu kau jualnya pada Sultan, bukan? Aku dah agak! Kalau macam tu aku nak nilai keuntungan samarata! 50-50, ok?

HAMBA Ini bukan rancangan aku lah! Tetapi dalam masa yang sama juga ianya bukanlah idea yang buruk untuk dilakukan bukan? Penyu telah berhijrah dari satu tempat ke satu tempat, dan kemudian bertelur di satu kawasan yang ia fikirkan sesuai. Kemudian anak-anak penyu yang telah menetas ini akan turun ke laut serta belajar untuk hidup berdikari dan juga berhijrah.

PENJUAL Tapi ianya juga boleh belajar untuk menyesuaikan diri untuk meneruskan kehidupan, semua orang pun macam tu. Lihat saya, saya pernah berkerja disalah sebuah syarikat yang terbesar di malaysia.tapi akhirnya disini juga, menjual ikan untuk meneruskan kehidupan. Baiklah, saya akan cuba lihat apa yang boleh saya dapatkan untuk awak. Datang esok.

HAMBA Oh ya, satu lagi, ianya hendaklah telur penyu belimbing yang hidup.

PENJUAL Awak gila? Sudah lebih dua tahun kami tidak melihat penyu belimbing. Ianya sudah pupus

HAMBA Pupus, matilah hamba, kenapalah mulut hamba celupar sangat tadi

PENJUAL Datang semula pada esok hari, jika awak menawarkan emas pasti ada yang boleh dilakukan.

BABAK 6 ***PEJABAT TUAH***

HAMBA 2 Dato, kenapa Dato bersedih? Dato tidak makan mahupun menukar pakaian sepanjang hari. Mari, hamba beri Dato sepesalinaan pakaian.

TUAH Pergi! Tinggalkan hamba sendirian, semua ini sampah. Hamba tidak melihat apa-apa kecuali sampah dalam mimpi hamba. Makanan, pakaian, beg plastik, botol plastik, gunung plastik, pulau plastik. Dalam banjir yang seterusnya di sungai Gombak, seluruh rumah akan di tengelami oleh timbunan sampah sarap.

HAMBA 2 Ahh, ya... tepat sekali, plastik. Pada zaman kanak-kanak hamba, kami tidak ada apa-apa kecuali daun pisang atau surat kabar lama untuk membungkus barang. Plastik jauh lebih baik.

TUAH Kenapa lebih baik? Daun pisang tuan hamba boleh biarkan macam itu saja bila selesai digunakan. Dan seminggu kemudia ia akan hilang terbenam dalam tanah. Manakala plastik pula akan mengambil masa selama beribu-ribu tahun untuk di lupuskan. Ia menyekat saluran pengaliran dan menjadikan banjir lebih teruk. Orang sudah terbiasa hidup dengan sampah tanpa menyedarinya. Mereka hanya akan sedar bila longkang mereka tersumbat dan rumah mereka di tengelami air.

HAMBA 2 Itu lebih tepat. Di bandar tidak ada banyak daun pisang. Plastik di mana-mana dan ia tidak bocor. Saya masih ingat lagi, air menitis dari daun dan membasahi sarong hamba. Sangat leceh.

TUAH Ya, plastik di mana-mana. Itulah masalahnya. Kita harus menyakinkan semua orang untuk mengurangkan penggunaan plastik. Menggunakannya semula dan bukan menambahkan sampah.

HAMBA 2 Tapi plastik murah, dato.

TUAH Sebab ia terlalu murahlah kita harus buat begitu. Kamu fikir ia percuma. Akan hamba khabarkan pada sultan untuk mengenakan cukai beg plastik dan botol. Pada masa itu baru mereka akan berfikir untuk membuangnya.

HAMBA 2 Tapi dato, rakyat jelata semua akan membenci dato, dan sultan juga sudah pasti tidak akan berbuat demikian. Itu akan menjadikan baginda orang tidak terkenal semasa zaman pemerintahannya.

TUAH Kalau begitu kita kena pengaruhi mereka untuk mengubah pandangan dan perangai mereka. Tapi pengajaran mengambil masa yang lama dan kita sudah tidak punya masa. Benda merepek apa yang kamu pakai ni?

HAMBA 2 Yang mana dato ? ini? Sekarang semua orang menggunakannya.

TUAH Mengapa? Ia nampak mengarut.

HAMBA 2 Inilah fesyen terbaru dato. Justin Bieber telah menggunakannya dalam persembahannya yang lepas. Dan semua orang mahukannya sekarang.

TUAH Fesyen kamu kata? Bila seorang selebriti melakukan benda yang mengarut, semua orang hendak menirunya. Bila kita cuba lakukan sesuatu yang berfaedah, tiada siapa yang mendengar.

HAMBA 2 Mungkin kalau ia di paparkan di majalah atau di televisyen, orang mungkin akan ikut dato.

TUAH Hmmmm.... media massa, fesyen... mungkin hamba boleh gunakan cara ini.

HAMBA 2 Barang-barang sekarang ini macam barang kemas, kasut, baju, semua plastik, semua datang dan pergi dengan cepat macam air sungai yang mengalir. Sebab itu semua orang suka sesuatu yang baru dan lain.

TUAH Kemudian membuang begitu sahaja benda yang mereka suka seminggu yang lalu. Tabiat pelupusan inilah yang memusnahkan negara! Semua benda pun hendak dibuang.

HAMBA 2 Tapi, ia bagus untuk perniagaan dato. Ia mengembangkan ekonomi. Sentiasa nak shopping, shopping, shopping! Kalau tak dapat shopping, apalah yang

akan hamba lakukan pada hari cuti.

TUAH Ya membesar seperti barah yang tak dapat dikawal. Bila sumber dah habis, perniagaan pun tidak mendatangkan hasil.

HAMBA 2 Tapi dato, pihak pengiklanan telah melakukannya bertahun-tahun.

TUAH Hamba perlukan seseorang untuk membantu kita. Seseorang yang terkenal seperti Bono untuk Afrika, Paul McCartney untuk binatang. Kita perlukan seorang bintang. Hamba tahu!!!!... ANNA RAFFALI!!!

HAMBA 2 Tapi dato, apakah yang akan dia lakukan?

TUAH Apa yang akan dia lakukan?! Dia akan tampil dalam pakaian yang hebat!

HAMBA 2 Huh?

TUAH Ya! Dengan pakaian ibunya dari almarinya yang lama, kemudian dia memakainya, yang akhirnya akan menjadi sesuatu yang menarik pada waktu sekarang dan mungkin akan dianggap moden kembali. Dan dia mungkin akan mengeluarkan kembali tas tangan serta barangan kemas neneknya, kemudian diolah dan diubah semula dalam bentuk moden. Cuba fikirkan jika keluarganya sudah membuang kesemuanya. Dia tidak mungkin akan ada barangan yang berguna untuk dihasilkan. Tapi dia boleh menggunakan fesyen yang lama yang tidak dibuang untuk diberi sentuhan baru dengan mencipta atau menggunakan semula agar ia menjadi fesyen yang baru dan ia akan diangkat menjadi sesuatu yang baru dengan mengekalkan jenama yang sedia ada.

HAMBA 2 Tapi Dato, sampah-sampah tu... botol... beg plastik... masih menggunung juga, Dato.

TUAH Tuan hamba, botol plastik amat sukar untuk dilupuskan. Air jika dimasak akan selamat diminum. Kenakan cukai sebanyak RM2 bagi setiap botol plastik, pasti pengeluaran beg plastik akan dihentikan serta merta. Setiap keluarga akan diberikan satu set bekas plastik yang boleh digunasemula serta boleh dibasuh selepas setiap kali penggunaannya. Dan ini pastinya akan mewujudkan sifar sampah dan juga akan menyebabkan saliran dan aliran air daripada tersumbat dengan bahan buang plastik. Dan secara tidak langsung, sungai kita akan bersih. Bagaimana? Senang bukan? Andai kata Anna Raffali menjadi model poster untuk kempen terbaru kita, patik akan mencipta web-site dan semua orang akan nampak perlaksanaan yang begitu keatas sungai, yakni dengan

menjaga kebersihannya dan ikan akan wujud kembali di sungai itu. Dalam masa setahun, kita akan melihat kembali ke zaman gelap ini dan terfikir mengapa kita hidup dalam kekotoran selama ini. Kita yang buat dan Cuma kita yang mampu menghentikannya.

HAMBA 2 Kalau begitu, ia akan memerlukan lebih ramai selebriti dan lebih cukai Dato.

TUAH Tidak, jika kita wujudkan undang-undang baru, dan saya akan menguatkuasakannya dengan tegas dan tidak akan ada seorang pun yang akan terlepas.

HAMBA 2 Slime Doby juga, Dato?

TUAH Ya, salah satu dalang yang kononnya bertindak sebagai penyelamat alam sekitar yang berperanan dalam aktiviti amal. Rakyat jelata hanya melihat kebaikan luaran agensi ini tapi bukanlah pada niatnya yang umpama 'ada udang disebalik batu'. Sangat bijak, Slime Doby. Hamba akan menjadikan kamu orang yang paling bersih di tanah ini. Kamu harus bertanggungjawab dengan apa yang kamu lakukan. Dapatkan hamba (nama kelab pencinta alam kita.)

HAMBA 2 Ahh... Patik fikir... dia tengah tidur.... sebentar.

TUAH Apa lagi, kejutkan mereka! Mereka harus buat hamba senarai tentang kesalahan yang dilakukan untuk mengaburi pihak berkuasa bagi kepentingan mereka sendiri.

HAMBA 2 Maaf Dato. Dia sedang bercuti

TUAH Bercuti? Seorang yang penting dalam jabatan pergi bercuti?

HAMBA 2 Ya Dato, percutian berbayar ke Timbuctoo.

TUAH Tidak ada sesiapa lagi untuk tugas ini?

HAMBA 2 Tiada sesiapa untuk kerja ini, Dato.

TUAH Jika begitu, bawakan hamba wakil Slime Doby. Hamba ingin melihat bagaimana dia mempertahankan semua yang telah dilakukannya. Ini mungkin akan membantu hamba di mana hendak bermula untuk membongkar segala kejahatan mereka dan menjernihkan keadaan.

BABAK 7**PEJABAT TUAH**

- SD REP Kami mempunyai record dalam perlindungan alam persekitaran kita yang sangat baik , kami membawa kekayaan kepada semua orang .
- TUAH Awak pemegang saham.
- SD REP Kepada pekerja di kawasan perkampungan sahaja.
- TUAH Ladang kelapa sawit telah dimusnahkan secara besar besara di bahagian hutan di sabah dan sarawak. Awak telah mengeksploitasi kawasan tersebut dan menghapuskan seluruh komuniti .
- SD REP Jadi? apa masalahnya. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- TUAH Tapi itu tak adil, hasil daripada usaha awak, mendatangkan kesusahan kepada orang yang dapat hasil.
- SD REP Siapa je yang susah ? monyet? gajah? yang tak seberapa tu? Hahahah lawak, sungguh lawak. Takkan haiwan kena ada bank account? Bukan awak dah sedia maklum, kami ada melakukan program "adopt - an – orang-utan. "
- TUAH Kalau kamu tak ganggu habitat mereka tentu mereka selamat dilindungi dalam tempat mereka sendiri, ini satu cara mereka untuk menutup perkara yang telah mereka lakukan, ini hanya pakaian luaran sahaja. Mana pergi keprihatinan kamu semua terhadap alam sekitar? Mencederakan pokok pokok dan melakukan apa sahaja yang kamu mahu, itu menampakkan kamu semua tidak ada nilai integriti dan sifat sayang akan nilai traditional dan kesetiaan terhadap kehidupan sekitar kita. Semua nya duit duit duit , dan keuntungan keuntungan dan perkara itu pun awak tak dpt manage dengan betul.
- SD REP Tuah, maafkan saya yea. tapi awak ni ketinggalan zaman sangat. Perkara yang awak usulkan ni merupakan perkara yang terkandung dalam buku text budak budak. Bukan untuk issue yg org dewasa patut bincangkan.
- TUAH Ianya kerana saya sudah hidup berzaman lamanya dan saya nampak masa depan akan mengalami banyak lagi masalah jika perkara ini diteruskan. Saya bukan kuno.

- SD REP Awak nak kembai ke zaman dulu? Tolong la, sekarang ni semua memandang ke era 2020 untuk menjadikan malaysia negara yang kelas pertama.
- TUAH Semuanya nanti akan menjadi masalah, MASALAH, mengapa nak wujudkan masalah? Sebabkan kuasa? Benda yang tak akan kekal lama. Nanti akan hancur dan runtuh lama kelamaan. Dan estet kelapa sawit awak akan semakin membesar.
- SD REP Mana ada, kerajaan membantu kami dengan 100%. Minyak kelapa sawit ialah jalan kepada masa depan apabila ianya dijadikan biofuel, stock kami meningkat secara mendadak. Pasaran protons akan dilakukan secara lebih meluas. Kita berkerja secara global sekarang ni. Lebih lebih lagi kami baru sahaja menyumbang 5 juta kepada UKM untuk kajian perubahan cuaca .kami ada perlindungan terhadap persekitaran.
- TUAH Itu semua propaganda. Jangan nak memperbodohkan saya.
- SD REP Bodoh? Kami tak memperbodohkan siapa siapa. Syarikat kami berdiri atas YSD pillar, pelajaran, pemuda, sukan dan rekreasi, seni dan budaya, perlindungan alam sekitar dan ekosistem. Kami dah 3 tahun membuat kajian tentang perbahan cuaca dengan menjemput pakar dari serata negeri.
- TUAH Awak bersifat mempertahankan diri dan kebenaran, awak sendiri tau kenyataan yang sebenar. Awak telah menyebabkan negara kami mengalami masalah ekonomi dengan alam kehidupan, menanam pokok kelapa sawit secara meluas hanya resipi untuk memburukkan lagi keadaan.
- SD REP Awak tak memberitahu kami perkara perkara yang baru, kami baru sahaja mengatasi program Big 9 , kami memperuntukkan program itu untuk menjaga 9 haiwan utama iaitu sun bear. orang utan, pygmy elephant, cloud leopard , hornbills, banteng, proboscis monkey, borneo sumatran rhino and malayan tiger. Kami dah berkerja sama dengan national geographic channel untuk menunjukan kerja kami dgn usaha kepada tabin national wildlife reserve di sabah. Tahun ini sahaja kami menerbitkan Stability altered forest ecosystem (SAFE) untuk melindungi hutan.
- TUAH SAFE? Satu sistem ekosistem yang berulang ! Huh, mula mula kau hancurkan kemudian kau berpura pura seolah olah bertindak melindungi nya. Jalan pekerjaan yang mudah dan manja. Ini semua acronim projek yang berselindung

disebalik penipuan ini. Kalau betul awak melindungi 9 haiwan tersebut kenapa rosakkan habitat diorang? Bijak sungguh langkah tersebut. Kau boleh tipu semua orang lain, tapi kau tak dapat nak lakukan itu kat aku.

SD REP Baiklah, kalau kau sungguh bijaksana, apa yang kau nak arahkan kami lakukan?

TUAH Berhenti menebang hutan dan habitat haiwan tersebut.

SD REP Bbbbbbbbbbb eeee rhenti menebang?! Mustahil!!!

TUAH Daripada awak menghabiskan banyak duit untuk kononnya memulihara kejamanama yang awak sendiri lakukan, apakata awak Cuma berhenti menebang supaya kajian lebih baik akan berjalan dengan lebih baik. Kan lebih mudah.

SD REP Itu tak mudah, pasaran minyak kelapa sawit pun sekarang turun dan naik, susah nak dijangka dan kawal lah!

TUAH Mcm mana saya kata kalau saya ada senjata rahsia untuk meruntuhkan semua itu dalam masa setahun sahaja.

SD REP Mustahil. Kerajaan akan lakukan apa sahaja untuk memberi lindungan kepada kami. Kami bukannya orang asing kamu tahu? Semua orang ada hubungan dengan kami dari segala aspek. Orang orang awam juga juga menghargai kami. Mereka juga melalui arus yang sama seperti kami dan bertentangan dgn enviromentalist di bandar.

TUAH Eco-tourism mula meningkat secara mendadak? Orang dari serata tempat untuk tengok haiwan dan burung burung di hutan.

SD REP Jadi dah nampak dengan jelas sekarang? Keuntungan yang kami dapat dari pasaran minyak kelapa sawit bukan untuk pertukaran tourism, sudah lah. Saya ada golf tournament ni. kau rugi tuah, kalau kau tahu untuk bermain golf tentu kau akan jadi hebat.

TUAH Aku dah bagitahu, aku mempunyai senjata rahsia. Hati hati .

SD REP Jadi sekarang, awak nak ugut kami? Dengan ugutan awak ni yang tak ada siapa pun nak endahkan? Uuuuuu takut nya saya takut nya. Teruskan lah .kami

tidak takut untuk berhadapan dgn environmentalist lain, saman sahaja. Apa yang susah? Awak tahu kan, harga penyertaan golf tournament ni lebih tinggi dari harga saman. Selamat sejahtera !

TUAH Saya akan bagi awak clue. Penyakit Dutch Elm.

SD REP Dutch??? Musuh ketat awak? Awak nak bawak mereka semula? Tak da chance lah. Tak ada orang asing terutamanya musuh sendiri akan membantu awak. Mereka tidak mahu masuk campur.

TUAH Ha ha, awak tak terfikir pulak orang asing yang melabur? Fikirkan baik baik kawan ku. Saya bagi awak seminggu dan datang semula. Sekarang pergi lah main di atas padang hijau bermodalkan bola putih kecil itu. Tapi jangan lupa, masalah penyakit dutch tu telah lakukan terhadap negara america dan england tu ingat! Salam sejahtera.

SD REP Apa kebendanya yang dia bercakap ni? Senjata rahsia? Grrr. Apa kena mengenanya dengan zaman sekarang? Takpa lahhh, nanti aku search kat wikipedia. tuah. Ugutan kau tu tak takutkan aku okay!

BABAK 8

SD REP (depan komputer) Kami dah menderma kepada semua sudut. Sukan, seni , pelajaran. Takda siapa siapa akan komplain. Hang tuah tu silap langkah! Dia tak dapat nak ugut kami atau menggunakan gajah dengan monyet di sabah dengan sarawak sebagai alasan. Kenapalah budak budak kat KL ni tak tahu pun tempat tempat di kl yang ada atas peta ni. Apa yang berlaku semua sendiri sendiri je berlaku. Ni mesti ada orang asing yang mempengaruhi dia untuk mengungut kami dengan kerasnya. Aku tahu permainannya. Mula mula reporter tu membesarkan cerita semua kemuadian di media akan dipengaruhi melalui cerita cerita kepupusan spesis haiwan, beberapa benda lagi yang berkaitan dgn alam sekitar dan sekian sekian sekian sekian. Kemudian selepas perkara naik dan turun semua nya akan kembali seperti normal. Bissness akan makin memaju dan maju. Hmm google wikepedia penyakit DUTCH ELM. (FADE OUT)

BABAK 9

SULTAN Tuah! Masa dah tamat.

TUAH Tuanku, patik dah melakukan yang terbaik, tapi gagal. Patik berhadapan dengan bahaya yang dapat patik rasakan dalam hati patik walaupun patik tidak dapat berjaya sepenuhnya, patik telah lakukan sesuatu yang agak baik.

SULTAN Oh jahanam. Tuan puteri akan rasa saya tidak berguna. Jatuh reputasi beta. Tunjukan beta apa yang tuan hamba dapat dan saya akan tentukan sama ada ianya berbaloi ataupun tidak untuk beta tunaikan.

TUAH Patik rasa dia akan terharu dan tergerak hati untuk memikirkan peluang kedua. Kita akan menubuhkan pusat pemuliharaan penyu dan menjadi orang yang menyelamatkan penyu-penyu tersebut, menjaga kesihatan mereka dan kemudian melepaskanya. Patik telah menghantar polis untuk menjaga kawasan pantai daripada orang yang ingin mengambil telur-telur penyu tersebut. Patik juga telah menubuhkan satu program latihan untuk memberi panduan kepada pelancong, supaya mereka tidak mendekati penyu-penyu ketika mereka sedang bertelur. Banyak peraturan telah diusulkan oleh tuanku.

SULTAN Beta???

TUAH Ya, mereka hanya perlu arahan yang tegas dari orang seperti tuanku. Nelayan sekarang diwajibkan untuk memakai pukot khas yang tidak menyekat penyu ataupun haiwan-haiwan dilautan yang sedang terancam dan semakin pupus. Kami berharap agar cara ini berkesan, dan sebarang masalah harus dilaporkan.

SULTAN Mereka akan mengadu kepada beta.

TUAH Saya tidak fakir begitu. Nelayan yang bagus tahu mereka perlu untuk mengekalkan keseimbangan dalam strategi untuk meneruskan menangkap ikan.
Apabila kita memberi petunjuk kepada mereka dengan jelas mereka bersedia bekerjasama dan mengikut peraturan yang akan mendatangkan manfaat pada mereka.

SULTAN Jadi tiada penetasan selepas ini?

TUAH Pusat perlindungan dan nelayan bekerjasama untuk telur-telur yang menetas apabila anak penyu berenang ke laut. Mereka akan mengira jumlah anak penyu yang keluar dan mengetahui jumlah yang sebenar yang akan kembali. Ini akan

memerlukan bertahun-tahun kerana kuantiti penyu semakin berkurangan.

SULTAN Seperti apa?

TUAH Gagak botak.

SULTAN Burung Amerika itu?

TUAH Ya,ia juga semakin pupus pada tahun 1970 tetapi undang-undang yang ketat telah membantu mereka mencapai satu jumlah yang seimbang, ia adalah satu pengalaman yang berjaya yang boleh diikuti,tetapi hanya apabila kita konsisten dan waspada.

SULTAN Jadi saya akan memberi Tuan Puteri seekor penyu belimbing? Ia sangat besar dan mampu untuk bertelur sekurang-kurangnya dapat mengisi sebanyak 3 dulang.

TUAH Patik mencadangkan tuanku memberi gambar-gambar ini yang menunjukkan usaha untuk menyelamatkan penyu.Patik rasa Tuan Puteri mahukan sesuatu yang lebih dari melihat telur yang menetas sendiri.

SULTAN Tuan hamba seperti dapat membaca fikiran Tuan Puteri? Saya harap tafsiran Tuah benar.

TUAH Dan patik senang melaporkan satu keajaiban telah berlaku.seorang Puteri dari rantau abang berumur 32 tahun telah sampai ke darat.

SULTAN Seorang lagi puteri? 32 agak tua.adakah dia cantik?

TUAH Cantik, tuanku. Dia adalah yang pertama penyu belimbing yg mendarat ke pantai dan telah bertelur sejak 2006, dan kemudian tiada lagi penetasan berlaku.Jadi kita berdoa supaya telur-telur itu akan menetas dan menjadi matang.

SULTAN Saya telah mengarahkan seseorang untuk menjaga habitat Puteri Rantau Abang itu!

TUAH Patik telah jumpa penjaga yang bagus. Dulunya mereka ditangkap kerana mencuri telur-telur itu dan sebagai hukuman mereka dipertanggungjawabkan untuk melindungi telur-telur itu.

SULTAN Hidup awak bergantung pada keselamatan anak-anak puteri. Awk fhm? Pergi! Sekarang tugasan seterusnya.

TUAH Soalannya tentang air sungai yang telah tercemar dengan sampah sarap agak memudahkan tetapi juga lebih susah.

SULTAN Tolong tuah jgn mengelirukan saya.ceritakan pada saya apa yang telah awk lakukan.

TUAH Kiraannya mudah.jika setiap daripada 28 juta rakyat Malaysia hanya menggunakan satu beg plastik dalam satu hari, mereka akan menghasilkan 10 bilion sampah beg plastic dalam masa setahun. Dalam kuala lumpur sahaja kita menghasilkan tujuh juta tan sampah dalam satu hari, kebanyakannya daripada plastic yang tidak dapat dilupuskan dalam masa seribu tahun sekalipun.

SULTAN Bakar kan saja ia! Tapi, jangan berdekatan istana beta.

TUAH Jangan, jika kita membakarnya ia akan menghasilkan gas toksik di udara, menghapuskan plastic-plastic sampah bukan jawapannya.kita perlu beralih menggunakan plastic yang mesra alam.oleh kerana sampah dihasilkan oleh semua orang, jadi semua orang lah yang bertanggungjawab untuk membersihkannya.

SULTAN Termasuk beta?

TUAH Terutamanya sekali tuanku, tuanku adalah pemimpin. Rakyat akan mencontohi sikap tuanku yang mulia ini.

SULTAN Beta tidaj fikir ini sesuatu yang menarik. Apa yang harus beta lakukan sekarang?

 Patik telah mengenakan cukai keatas botol plastic. Kedai-kedai akan menghentikan memberi beg plastic secara percuma, jadi semua orang akan diberi beg percuma yang tidak diperbuat daripada plastic.

SULTAN Percuma!! Siapa yang akan bayar untuk mereka?

TUAH Tuanku, dan cukai baru, yang mana satu tuanku rasa murah? Isu yang berkaitan dengan beg plastik atau membelanjakan jutaan ringgit untuk menghapuskan sampah selepas setiap banjir dan membaiki kerosakan selepas

banjir? Ia adalah ketagihan kita, hanya untuk menggunakan sekali bahan plastic. Kita harus bertanggungjawab ke atas apa yang kita lakukan dan tidak mementingkan diri dengan membuang segalanya dengan begitu sahaja. Tabiat buruk yang baru ini hanya berlaku di satu generasi. Kita mesti mendorong orang ramai untuk berubah, dan jika mereka enggan berubah, cari dan hukum mereka. Dengan adanya semua barang yang terlalu murah dan sesuai dengan mereka, mereka akan mengambil kesempatan ke atas situasi itu. (*sultan tertidur sambil berdengkur*) seperti yang saya katakan,,,,,,tuanku,,,,,,

SULTAN Apa?? Ohh yaa, bagus, sangat bagus..Jadi, berapa banyak kolam renang yang kita ada sekarang?

TUAH Mengikut kiraan patik, dalam masa lima tahun, kita boleh....

SULTAN Lima tahun?? Beta tak boleh tunggu begitu lama. Lagipun, mungkin akan ada kuasa baru yang mengambil alih dan segala rancangan kita akan tergendala

TUAH Tapi tuanku, pemimpin politik akan sekata walaupun ia datang dan pergi.

SULTAN Betul, betul.Tapi, beta tak yakin yang dia boleh tunggu sebegitu lama. Bagaimana dengan syarat terakhir??

TUAH Hurrmm, patik tak pasti yang Slime Doby adalah kawan baik tuanku...

SULTAN Kawan beta?? Beta tak pernah dengar pun.

TUAH Patik tak pasti akan hal itu, tapi dia mempunyai banyak wajah yang berbeza-beza.Patik boleh bawakan untuk tuanku satu baju hijau tapi tidak semua.

SULTAN Bagaimana dengan LPGA Slime Doby?

TUAH Mereka akan meneruskanya sebagai satu program amali untuk memulihara hutan dengan pelbagai spesies dan membenarkan sesiapa sahaja yang ingin tanah mereka mendapat apa yang merewka inginkan. Lanya akan menyumbang kepada cara baru kerjasama dalaman dan memberhentikan jualan secara meluas bagi hutan rimba.

SULTAN Jika begitu, merekalah yang akan bertanggungjawab atas ranting pokok yang patah bukan??

TUAH Saya sudah mengupah lebih seratus orang ahli Saintis untuk KPA sebagai

penyelaras.

SULTAN Apa? Seratus lebih? Mereka semua akan dibayar dengan duit saya??

TUAH Tidak, duit orang awam tuanku.

SULTAN Itulah apa yang beta maksudkan, duit saya! Bagaimana kalau beta letakkan duit beta diatas dulang dan menawarkanya kepada Gusti? Adakah dia akan menerimanya?

TUAH Patik rasa dia akan terima dengan lebih baik jika kerja yang laksanakan berjalan dengan baik.

SULTAN Semuanya menjadi semakin bosan, tidak ada langsung benda yang menyeronokkan seperti membina jambatan emas. Kalu dia suka akan kesemua permintaanya ini, beta rasa beta tidak begitu berahi untuk mengahwininya.

TUAH Tuanku boleh menulis sajak cinta tuanku.

SULTAN Ahhh, buah fikiran yang bernas. Tuan hamba yang akan menuli puisi tersebut dan beta akan menandatangani. Haa, hantarkan puisi yang lenkap kepadanya esok. Dan dalam perjalanan kamu keluar, beritahu khadam bahawa beta sudah sedia untuk minum petang.

TUAH Kenapalah mulut patik ringan sangat, sebelum ini penyu, sekarang puisi cinta pulak. Hemmm, petik pasti akan menemui puisi ini dimana-mana. Mungkin dari perancis, mungkin parsi.....

Babak 10 *KRATON GUSTI PUTERI*

TUAH Wahai Gusti Puteri, Sultan Mansur Shah menitahkan patik untuk menyerahkan sejambak bunga merah bersama sebuah puisi kepada Gusti Puteri.

GUSTI (*baca puisi*)
Hmmm... Tuanku yang menulis ini? (*sinis*) Sungguh romantik Sultan tuan hamba. Sekarang, bagaimana dengan permintaan Beta?

TUAH Patik telah menyediakan DVD yang telah memenuhi semua permintaan Gusti Puteri.

GUSTI Sekadar memenuhi permintaan Beta tidak mencukupi, maaf.

TUAH Tuanku bukan hanya memenuhi permintaan Gusti Puteri semata-mata, tetapi Tuanku menghargai pendirian dan kebijaksanaan Gusti Puteri, kerana itu, Tuanku mahu menjadikan Gusti Puteri sebagai teman hidup kerana kepintaran Gusti Puteri.

GUSTI Tuan hamba mewakili Baginda Tuanku dengan baik. Tuan hamba patut mewakili untuk diri sendiri.

TUAH Patik tidak faham Gusti Puteri. Patik adalah perutusan Sultan yang setia.

GUSTI Beta tahu puisi ini ditulis dan segala kerja dilakukan oleh Dato' Laksamana. Beta memuja Dato' Laksamana sejak pertama kali kita bertemu. Dan Sekarang, Beta lebih menghargai Dato' Laksamana berbanding Baginda Sultan.

TUAH Tuan Puteri cintakan patik?

Babak 11 *ATAS GUNUNG LEDANG*

GUSTI Cepat Tuah, tuan hamba begitu pelahan. Kita harus tiba ke puncak gunung ledang sebelum matahari terbenam atau tuan hamba akan diserang harimau jadian.

TUAH Kaki patik sudah kejang. (*Tuah berhenti dan mula menulis sesuatu*)

GUSTI Apa yang tuan hamba lakukan? Tuan hamba cuba mencampakkan keris taming sari ke dalam sungai Duyung?

TUAH Tidak. Menulis surat kepada Baginda Sultan. Patik ada terdengar, ada seorang puteri china yang bernama Hang Li Po. Mungkin Baginda Sultan lebih tertarik kepada Hang Li Po.

GUSTI (*Tarik telinga*) Masih berlagak seperti orang perantaraan Sultan. Dah, sudah, atau beta...

TAMAT

Translation is thanks to ASWARA drama students: Alloy, Puteri, Rashid, Shila, Surya, Syafiq, Mieya, Ijat, Nisha, Dima, Ekin Darla, Akhmal Nazri, Pinky, Afiq, Shahizan, Hanif, Aroha, Sah A, Taufiq, and Professor Wong Oi Min.